

25 JUL 2002

Ghani-Rekod (Bergambar)

BN AKAN PERTAHANKAN REKOD CEMERLANG DI JOHOR, KATA GHANI

JOHOR BAHRU, 25 Julai (Bernama) -- Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman hari ini berkata Barisan Nasional (BN) akan berusaha memastikan rekod cemerlangnya di Johor dikekalkan pada pilihan raya umum akan datang.

"Rekod (menang 100 peratus) BN di Johor akan kita pertahankan," katanya ketika berucap pada majlis penutup Konvensyen BN Johor 2002 di Stadium Tertutup Majlis Bandaraya Johor Baharu (MBJB) di sini hari ini.

Penutupan konvensyen itu disempurnakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Abdul Ghani yang juga pengerusi BN Johor berkata rekod kemenangan 100 peratus dicapai pada pilihan raya umum 1995 dan 1999 dengan penguasaan semua kerusi.

Pada masa ini, Johor mempunyai 20 kerusi Parlimen dan 40 Dewan Undangan Negeri (DUN).

"Kami ahli-ahli BN Johor berazam dan bertekad untuk menempa cita-cita dan akan berusaha bersungguh-sungguh memastikan kemenangan itu," kata Abdul Ghani.

Menurutnya, BN Johor akan bergerak dari sekarang untuk melakukan yang terbaik bagi mempertahankan serta mengekalkan pencapaian cemerlangnya.

Beliau sementara itu turut melahirkan perasaan sedih berhubung rancangan persaraan Dr Mahathir pada tahun depan.

"Kita (BN Johor) tidak rela untuk berpisah dengan Datuk Seri (Dr Mahathir) yang merupakan sumber inspirasi dan sumber ilham...kita memerlukan segala pandangan dan nasihat Datuk Seri," katanya yang mendapat tepukan gemuruh daripada lebih 5,000 orang hadirin.

Abdul Ghani juga berharap bahawa lawatan Dr Mahathir ke Johor hari ini bukan merupakan yang terakhir bagi beliau sebagai Perdana Menteri.

Turut hadir ialah Menteri Pengangkutan yang juga Presiden MCA Datuk Seri Ling Liong Sik, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin, Timbalannya, Datuk S. Subramaniam, Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng dan Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

-- BERNAMA
RAM RAM MOZ